

Pakatan tidak tolak TPPA, perlu penelitian lebih jelas, kata Anwar
Malaysian Insider
June 23, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Pakatan Rakyat (PR) tidak menolak pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Akan tetapi jelasnya, PR perlu meneliti mana-mana peruntukan dalam rundingan perjanjian berkenaan yang tidak merugikan negara.

"Saya tahu ada pandangan keras dalam perkara ini tapi dalam PAS, PKR, DAP, kita pada prinsipnya tidak menolak sebarang bentuk perjanjian, tetapi peruntukan yang membebaskan rakyat atau mengalih kuasa negara kepada negara kaya," kata Anwar semasa berucap dalam Konvensyen Pakatan Rakyat di Ampang, di sini.

PR, jelas ahli Parlimen Permatang Pauh itu lagi mengambil sikap lebih terbuka, dan sedar akan kebergantungan Malaysia terhadap Pelaburan Asing Langsung (FDI), dan tindakan menolak pelaksanaan TPPA juga jelasnya bukanlah satu tindakan wajar.

"Kita ambil sikap lebih objektif, ada hujah kuat pasal TPPA ini kerana Malaysia tidak seperti negara lain, banyak bergantung kepada FDI ... menolak sama sekali juga tidak wajar, tetapi membebaskan syarikat juga tidak wajar," kata Ketua Umum PKR itu lagi.

"Malaysia perlu berdiri lebih berani kalau meneruskan rundingan ini," tegasnya lagi.

Beliau kemudiannya turut berkata panel PR perlu berbincang dan meneliti keperluan pindaan dalam rundingan, agar perjanjian TPPA itu tidak menjejaskan negara.

"Panel PR perlu bina satu konsensus supaya perlu melihat peruntukan mana perlu diteliti semula supaya perundingan TPPA tidak menjejaskan negara," tambahnya.

PR sebelum ini menggesa agar sebuah Jawatankuasa khas Pilihan Parlimen (PSC) diwujudkan untuk perjanjian berkenaan ekoran masih wujud rasa tidak berpuas hati kerana perjanjian itu jelas mereka tidak tertakluk kepada pengawasan parlimen.

Dalam satu kenyataan sebelum ini, ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan PAS Dr Dzulkefly Ahmad, bersama dengan Azrul Azwar Tajuddin dari Institut rakyat berkata PSC mengenai TPPA itu perlu ditubuhkan segera.

Mereka turut membangkitkan rangka kerja undang-undang TPPA yang menyeluruh itu boleh menyebabkan undang-undang domestik terpaksa akur dengan meletakkan syarikat-syarikat multinasional di atas jika tidak setara dengan kedudukan kerajaan.

Antara kebimbangan yang dibangkitkan mereka adalah analisa Kos-Faedah (CBA) pada TPPA, Kawalan Kewangan dan Kebebasan, dan Kos Kesihatan.

Mereka turut menyatakan kebimbangan masa yang semakin suntuk memandangkan pusingan dan rundingan TPPA seterusnya akan diadakan pada Julai 2013 dan pernyataan muktamad dijangka berakhir pada Oktober 2013. - 23 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-tidak-tolak-tpa-perlu-penelitian-lebih-jelas-kata-anwar/>